

Puluhan lori 'humban' sampah

Penduduk tidak berani tegur, pemandu berlagak seperti samseng

SUNGAI dipenuhi sampah sepanjang tiga kilometer! Itu pemandangan boleh dilihat sesiapa sahaja yang menyusuri Sungai Klang di kawasan berhampiran Taman Kinrara Puchong dan Taman Medan, Petaling Jaya.

Timbunan sampah terbabit menghiasi tebing sungai dan difahamkan, laluan keluar masuk ke tempat pembuangan sampah dikawal individu tertentu.

Penduduk, Zaulkefli Ahmad, 57, berkata, aktiviti pembuangan sampah paling aktif waktu pagi dan petang, di mana puluhan lori akan membuang sampah dibawa masing-masing terus ke dalam aliran sungai.

Tanpa kesedaran sivik, pemandu lori akan mengundurkan kenderaan mereka hampir dengan tebing dan membuang sampah sewenang-sewenangnya.

Bukan penduduk tidak pernah menegur perbuatan terbabit, namun pemandu lori dan pekerja asing bertindak seperti samseng memarahi kembali teguran yang dibuat.

Katanya, pekerja lori sampah pernah menunjukkan kasut kepada penduduk yang menegur tindakan mereka menyebabkan aktiviti itu bebas berlanjutan sehingga kini.

"Banyak aduan sudah dibuat, ini bukan masalah kecil... isu serius... boleh mengundang pelbagai kesan buruk jika tak dibendung," katanya.

Difahamkan, lokasi pembuangan sampah paling serius dilaporkan di Taman Perindustrian Lembah Kinrara dan seberang sungai di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).



Timbunan sampah meliputi sepanjang tiga kilometer Sungai Klang. Gambar kecil: Zaulkefli

Lori yang membuang sampah dikenakan sejumlah bayaran oleh 'penjaga' tanah di tebing sungai sebelum mereka boleh terus melaksanakan 'kerja' yang menyebabkan pencemaran itu.

Masalah bau busuk, keindahan sungai tercemar dan pembiakan haiwan pembawa penyakit menjadi-jadi di kawasan tersebut.

Lebih teruk lagi, pada sebelah malam penduduk mengadu sesak nafas apabila

longgokan sampah dibakar pula pihak tidak bertanggungjawab.

Bekas ahli Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Yap Kok Weng berkata, perkara itu sudah dalam pengetahuan pihak majlis.

Katanya, langkah jangka panjang sedang dirangka bagi membanteras kegiatan pembuangan sampah secara haram di beberapa lokasi panas.

Pencemaran memang mengganggu ke-

hidupan, justeru beberapa agensi berwajib kini berganding bahu bagi mencari jalan penyelesaian menanganinya.

"Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) akan bergabung dengan beberapa pihak. Jalan penyelesaian sedang dikenal pasti," katanya.

Untuk jangka masa pendek, jelasnya, pemantauan dibuat meskipun secara berkala untuk mengelakkan isu menjadi bertambah serius.